



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL
TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
MERANGKAP MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN DIGITAL SPACE (MAKMAL ICT)
PUSAT PERKEMBANGAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN
SERENDAH (PPKKS)**

**DENGAN KERJASAMA
MALAYSIA AIRPORTS HOLDINGS BERHAD(MAHB)**

PADA

21 OKTOBER 2019 (ISNIN) / 9.30 PAGI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Sejahtera,

SALUTASI

(akan dikemukakan setelah mendapat pengesahan kehadiran)

PENDAHULUAN

Hadirin-hadirat yang dimuliakan,

- (1)** Setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya kita semua dapat hadir ke **MAJLIS PERASMIAN DIGITAL SPACE (MAKMAL ICT) DI PUSAT PERKEMBANGAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN SERENDAH (PPKKS)** dengan kerjasama Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) pada hari ini.
- (2)** Terima kasih kepada YBhg. Tan Sri Zainun Ali, Pengerusi MAHB atas kesudian bekerjasama dengan **Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)** dalam program yang dilaksanakan khusus untuk kesejahteraan para pelatih di pusat perkembangan kemahiran ini.
- (3)** Tahniah dan terima kasih kepada Jawatan Kuasa penganjur dan semua pihak yang terlibat dalam usaha merealisasikan hasrat kita untuk menambah baik kemudahan di sini.
- (4)** Program yang diadakan pada hari ini merupakan salah satu contoh kerjasama murni antara **KPWKM** dengan syarikat korporat.
- (5)** Kerjasama sebegini amat dialu-alukan kerana kita memerlukan sokongan daripada semua pihak khususnya dalam aspek pembangunan masyarakat.
- (6)** Saya yakin dengan usaha yang lebih mantap, dan penyesuaian projek kerjasama yang berpadanan, kita mampu melaksanakan lebih banyak program seumpama ini pada masa akan datang.

PROGRAM DIGITAL SPACE [MAKMAL KOMPUTER]

Hadirin-hadirat yang dimuliakan,

(7) Sejarah Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah ini bermula dengan penubuhan Sekolah Budak Laki-Laki Serendah pada tahun 1946.

Pada ketika itu ianya dibiayai oleh Kerajaan Britain.

(8) Pada Tahun 1950, sekolah ini ditukar menjadi Rumah Kanak-Kanak Lelaki dengan tujuan menjadi pusat penjagaan dan perlindungan.

(9) Pada tahun 1959, Kerajaan mengambil alih pembiayaan rumah ini dan kemudian pada 13 Oktober 1996, ianya ditukar nama kepada Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah.

(10) Pelatih-pelatih di sini terdiri daripada kanak-kanak lelaki yang merupakan penghuni institusi kanak-kanak di bawah seliaan JKM yang berumur 12 tahun hingga 18 tahun yang dipilih untuk mengikuti program berbentuk kemahiran diri, latihan akademik, pendidikan jasmani dan kerohanian khusus untuk melengkapkan diri mereka untuk berdikari.

(11) Mereka diberi peluang untuk mengikuti latihan kemahiran seperti Kursus Mekanik, Kenderaan Motor, Kursus Elektrik, Kursus Jahitan dan Kursus Komputer (ICT).

(12) Pihak MAHB telah memberikan sumbangan korporat dalam bentuk pemasangan peralatan ICT, sumbangan buku-buku dan kelengkapan lain bagi menaik taraf makmal komputer di sini.

(13) Sumbangan ini akan dapat menjamin keselesaan pelatih untuk menuntut ilmu, menjalani latihan dan mencari maklumat yang berkaitan dengan lebih baik.
Terima kasih MAHB.

BELANJAWAN 2020

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

- (14) Dalam Pembentangan Belanjawan 2020 yang bertemakan “Kemakmuran Bersama: Menjana Pertumbuhan Inklusif yang Berkualiti ke Arah Ekonomi Berpendapatan Tinggi “ di Parlimen baru-baru ini, Kerajaan telah mengumumkan peruntukan RM80 juta untuk menaik taraf, membaiki dan menyelenggara 67 institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) termasuk pusat jagaan kanak-kanak, OKU dan warga emas.
- (15) Alhamdulillah, ini membuktikan kita prihatin terhadap kebajikan dan kesejahteraan golongan rentan (**Vulnerable groups**), khususnya kumpulan sasar KPWKM.
- (16) Buat masa ini, pihak JKM dan KPWKM sedang menyediakan maklumat lengkap dan menyaring keperluan setiap institusi bagi mengelakkan pemberian peruntukan yang bertindih.
- (17) Namun demikian, apa yang ingin saya sampaikan adalah, saya amat berharap agar peruntukan ini akan diagihkan dengan berkesan.
- (18) Saya percaya langkah-langkah awal akan dilaksanakan untuk memastikan tiada ketirisan kerana kita mahu setiap sen yang diperuntukkan ini benar-benar digunakan untuk tujuan yang sepatutnya.
- (19) Saya juga berharap supaya perancangan projek dan pemantauan dilaksanakan dengan sistematik supaya kerja-kerja yang dilaksanakan dapat disiapkan mengikut jadual, dan yang lebih penting, peruntukan yang diagihkan kelak mencukupi mengikut skop kerja yang dirancang.

PENUTUP

Hadirin hadirat yang dimuliakan,

Sebelum saya mengakhiri ucapan, suka saya ingatkan kepada anak-anak sekalian dan pelatih di sini, manfaatkanlah kemudahan yang disediakan ini dengan berhemah.

(20) Saya yakin pihak pengurusan dan tenaga pengajar di pusat perkembangan kemahiran ini telah dan akan melaksanakan tugas yang diamanahkan dengan penuh bertanggungjawab.

(21) Sekali lagi, saya ucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program pada hari ini, khususnya pihak MAHB, yang sudi menyumbang dan bekerjasama.

(22) Saya juga yakin, kerjasama dengan pihak MAHB tidak akan terhenti di sini sahaja. Kami di KPWKM sedia bekerjasama lagi sekiranya terdapat ruang dan peluang.

"Kecil Tapak Tangan, Nyiru Kami Tadahkan"

Semoga apa yang kita lakukan pada hari ini memberikan pulangan yang terbaik kepada kepentingan anak-anak yang kita cintai ini. InnsyaAllah.

(23) Dengan lafaz **BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**, saya merasmikan **DIGITAL SPACE (MAKMAL ICT) PUSAT PERKEMBANGAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN SERENDAH (PPKKS)** dengan kerjasama Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum w.b.h